



# Berita KUKUM

## GOTONG ROYONG KENDURI KESYUKURAN ERATKAN HUBUNGAN ANTARA KUKUM DENGAN PENDUDUK BINTONG

Seramai 600 orang telah menghadiri kenduri kesyukuran yang dianjurkan oleh Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Majlis kenduri yang diadakan dengan kerjasama penduduk Bintong dan warga KUKUM telah diadakan 27 Jun 2006 di Kolej Kediaman Wang Ulu. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis, YB En. Rusli Mat Hussin, Ahli – ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, penduduk Bintong dan warga KUKUM.

Menurut Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM, majlis kenduri tersebut diadakan bagi mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang bersama-sama dengan KUKUM untuk menyelesaikan masalah penginapan pelajar baru ke KUKUM. Selain itu majlis ini diadakan untuk menguar-uarkan kepada rakyat negeri Perlis bahawa KUKUM akan menerima pelajar baru pada 2 Julai 2006.

"Perjumpaan ini diharap dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim masyarakat setempat dengan warga KUKUM khususnya para pelajar. Hubungan ini penting kerana kita tahu

pelajar berjauhan dari ibu bapa masing-masing dan mereka ini perlukan sokongan, bantuan dan keprihatinan daripada penduduk setempat untuk membantu mereka belajar hidup sebagai seorang pelajar bagi mengejar cita-cita yang diidamkan", ujar Kamarudin.

Beliau turut menjelaskan bahawa majlis kenduri ini berkonsepkan gotong-royong iaitu tolong-menolong dan bekerjasama antara penduduk setempat dengan warga KUKUM bagi penyediaan lauk-pauk kenduri.

